



LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD, MALAYSIA)

KENYATAAN MEDIA

PINDAAN KEPADA SYARAT DASAR HAD MASA
PEPERIKSAAN SIJIL AMALAN GUAMAN

Berdasarkan kepada rekod Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang ("Lembaga Kelayakan"), terdapat lebih kurang 4,748 orang calon yang masih belum lulus Peperiksaan Sijil Amalan Guaman sejak tahun 1984. Daripada jumlah tersebut, terdapat juga beberapa calon yang tidak mengambil apa-apa inisiatif untuk menduduki semula Peperiksaan Sijil Amalan Guaman selepas gagal pada percubaan-percubaan sebelumnya.

Walaupun setiap calon adalah dibenarkan untuk menduduki peperiksaan sebanyak empat (4) kali percubaan, namun ketiadaan had masa yang khusus untuk mereka menduduki peperiksaan ini telah menyebabkan berlakunya suatu kelompangan di dalam sistem pengurusan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman.

Berikutan ini, Lembaga Kelayakan melalui mesyuarat bertarikh 7 Disember 2016 yang lalu telah secara sebulat suara bersetuju untuk menetapkan suatu had masa yang khusus bagi maksud tersebut. Keputusan ini telah dibuat selaras dengan fungsi Lembaga Kelayakan untuk memutuskan kelayakan yang boleh mengehakkan seseorang menjadi "orang berkelayakan" bagi maksud Akta Profesion Undang-Undang 1976 [Akta 166].

Penetapan had masa yang khusus untuk menduduki Peperiksaan Sijil Amalan Guaman ini adalah amat penting demi menjamin kewibawaan dan kualiti profesion undang-undang di Malaysia.

TAN SRI DATO' SRI HAJI MOHAMED APANDI BIN ALI

Pengerusi

Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang, Malaysia

28 Februari 2017